



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**KHAMIS 28 OGOS 2025**

| <b>BIL</b> | <b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>                                                                     | <b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b> |
|------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------|
| 1.         | BUDAK ENAM TAHUN MAUT AKIBAT RABIES, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 4                               | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)  |
| 2.         | AYAM HABIS DALAM SEJAM, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28                                 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)     |
| 3.         | FARM FRESH 1Q26 PROFIT JUMPS ON HIGHER MARGINS, NEWS, THE STAR, M/S – 2                         | LAIN – LAIN                           |
| 4.         | BERAS PAHANG BAWA POTENSI BESAR DALAM SEKTOR MAKANAN NEGARA, RENCANA, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 15 |                                       |
| 5.         | DARI LADANG KE PASARAN, PERTANIAN KEKAL TONGGAK NEGERI, SG4: KELANTAN, HAKAKAH, M/S – 10        |                                       |
| 6.         | MENTERI BESAR RAI JAGUH DURIAN HPPNK 2025, SG4: KELANTAN, HAKAKAH, M/S – 10                     |                                       |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

28/8/2025

HARIAN  
METRO

LOKAL

4

## Budak enam tahun maut akibat rabies

**Kuching:** Kanak-kanak perempuan warganegara Indonesia berusia enam tahun meninggal dunia akibat penyakit anjing gila atau rabies di Bintulu, Sarawak.

Kematian itu disahkan Pengarah Jabatan Kesihatan Sarawak, Dr Veronica Lugh, menurut Borneo Post.

Katanya, mangsa yang tinggal bersama keluarga di kawasan ladang mula

menunjukkan beberapa simptom sejak 31 Julai lalu, antaranya sakit kepala, demam, sakit leher dan hilang selera makan.

"Pada 3 Ogos lalu kanak-kanak itu dimasukkan ke Hospital Bintulu, di mana dia mengalami halusi-nasi, hidrofobia, aerofobia dan air liur berlebihan.

"Dia disahkan meninggal

dunia pada keesokan harinya. Hasil siasatan mendapati mangsa digigit anjing liar pada 16 Julai di luar rumahnya.

"Anjing itu kemudian berjaya ditangkap dan disahkan positif rabies oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sarawak," katanya.

Mengenai jumlah kumu-

latif kes rabies menjangkiti manusia di negeri itu, Dr Veronica berkata, ia kini mencecah 85 kes sejak wabak diisytiharkan pada Julai 2017 dengan 78 kematian atau bersamaan 91.7 peratus.

Katanya, tahun ini sahaja dua kes rabies menjangkiti manusia, namun lebih rendah berbanding lima kes

dalam tempoh sama tahun lalu.

"Jabatan Kesihatan Sarawak ingin mengingatkan orang ramai bahawa Sarawak masih belum bebas daripada wabak rabies. Penyakit ini boleh merebak melalui gigitan atau cakaran, disarankan untuk segera membasuh luka berkenaan dengan sabun bersama air mengalir sekurang-sekurangnya selama 15 minit sebelum mendapatkan rawatan di klinik.

bies, terutamanya anjing dan kucing," katanya.

Dr Veronica turut menasihatkan orang ramai supaya mengelak bersentuhan dengan haiwan liar dan sekiranya terkena gigitan atau cakaran, disarankan untuk segera membasuh luka berkenaan dengan sabun bersama air mengalir sekurang-sekurangnya selama 15 minit sebelum mendapatkan rawatan di klinik.

## Ayam habis dalam sejam

PERMINTAAN terhadap ayam sentiasa tinggi di pasaran.

Buktinya, sebanyak 500 ekor ayam yang dijual dengan harga RM8 seekor, habis dalam tempoh sejam di program Jualan Agro Madani di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL), Jalan Waja Teluk Panglima Garang, semalam.

Menurut Pengerusi

Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat, Dr. Abdul Razak Khasbullah, harga tersebut ditawarkan pada jualan sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-68 tahun ini.

Beliau berkata, pada awalnya, seekor ayam itu dijual pada harga RM10, namun kemudiannya diturunkan kepada harga rahmah, RM8 selepas majlis perasmian.

"Pembeli-pembeli yang datang

dalam masa sejam tersebut telah 'memborong' habis kesemua 500 ekor ayam yang dibekalkan pada jualan tersebut," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Abdul Razak berkata, 350 papan telur ayam dijual pada berharga RM10 sepapan turut mendapat sambutan orang ramai apabila harganya diturunkan kepada RM7 sepapan.

Turut mendapat sambutan 200 botol minyak masak 2kg yang dijual pada harga RM7 sebotol.

■ ABDUL Razak Khasbullah (tiga, kiri) menunjukkan ayam yang laris dijual pada program Jualan Agro Madani, di Kuala Langat, Selangor. - UTUSAN / ABDUL RAZAK IDRIS





| TARIKH    | MEDIA    | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|----------|---------|------------|
| 28/8/2025 | THE STAR | NEWS    | 2          |

## Farm Fresh 1Q26 profit jumps on higher margins

**PETALING JAYA:** Farm Fresh's first-quarter net profit jumped by over 26% as the dairy producer sold more higher-margin products and benefited from cheaper dairy raw materials.

In a filing with Bursa Malaysia, Farm Fresh reported a net profit of RM32.8mil in the first quarter of the financial year ending March 31, 2026 (1Q26).

This compares to RM26mil in the previous corresponding quarter.

Revenue also grew 7.8% year-on-year (y-o-y) to RM260.58mil.

Farm Fresh said the improved number was achieved on the back of a higher Malaysian revenue, underpinned by positive sales contribution from new products.

These include children's milk (Farm Fresh Grow), chocolate malt, full cream milk powder, consumer-packaged goods (CPG) ice cream and butter.

The increased turnover from the

Malaysian operation, however, was partially offset by a decrease in Australian revenue due to lower external sales from Goulburn Valley Creamery Pty Ltd.

With an improved bottom line, Farm Fresh's earnings per share rose to 1.75 sen. No dividend was declared for 1Q26.

In a statement, group managing director and group chief executive officer Loi Tuan Ee said the strong 1Q26 results set the stage for a "stronger year ahead", buttressed by the group's strategy of product diversification and regional expansion.

He pointed out that the group has made good progress with a series of successful launches, especially its CPG ice cream.

The strong demand for the ice cream brand resulted in Farm Fresh expediting the increase in capacity at its Taiping plant via two new lines, increasing its capacity to 300,000 pieces per day while waiting for the new Enstek plant to be ready in early 2026.

Likewise, products such as choco malt have also gained traction following the introduction of new sachet and bulk formats that cater to different customers' demand along with adjacent categories like full cream milk powder, butter, and cultured milk, which have been well received since hitting the shelves.

"Moving upstream, the expansion at Muadzam Shah is advancing well with the arrival of 1,300 new dairy cows in May 2025, which will eventually double our farm capacity and significantly boost our raw milk production upon full completion in 2026.

"Regionally, we are making headway into the Philippines as operations continue to scale up with a growing number of listings across modern trade outlets and the hotel, restaurant, and cafe channels.

"Most recently, we have also started to export our dairy products to Cambodia," said Loi.



# Beras Pahang bawa potensi besar dalam sektor makanan negara

BERINGOR

Oleh  
Mohamad Shofiq  
Mat Isa

DALAM dunia yang semakin mencabar dengan krisis makanan global, perubahan iklim serta tekanan ekonomi menyebabkan aspek keselamatan dan kedaulatan makanan menjadi semakin penting.

Malaysia tidak terkecuali dan di tengah cabaran ini, muncul satu inovasi yang membanggakan iaitu Beras Pahang. Ia bukan sahaja produk pertanian biasa, malah menjadi lambang transformasi menyeluruh dari segi kesihatan rakyat, kedaulatan makanan negara dan pembangunan ekonomi negeri.

Beras Pahang merupakan beras prebiotik pertama di Malaysia, menjadikannya bukan sekadar makanan ruji tetapi juga satu pencapaian dalam sains pemakanan dan pertanian moden. Ditanam di Jelapang Padi Ganchong, Pekan, beras ini membuka lembaran baharu dalam sektor agro makanan negara, khususnya di negeri Pahang.

## GABUNGAN PEMAKANAN SIHAT DAN INOVASI TEMPATAN

Daripada perspektif kesihatan awam, Beras Pahang membawa potensi besar dalam menyokong gaya hidup sihat. Antara ciri istimewanya ialah kandungan gula yang rendah, menjadikannya pilihan ideal untuk penghidap diabetes, kelompok yang kian meningkat di Malaysia. Dalam masa sama, ia juga sesuai untuk sesiapa sahaja yang ingin mengawal paras glukosa dalam darah secara semula jadi melalui pemakanan harian.

Lebih penting lagi, sifat prebiotik semula jadi yang terdapat dalam Beras Pahang menyumbang kepada kesihatan usus dan sistem penghadaman.

Prebiotik membantu pertumbuhan bakteria baik dalam usus, yang seterusnya menyokong imuniti tubuh, penyerapan nutrien dan keseimbangan mikrobiota.

Dalam era pemakanan moden yang semakin



**BERAS Pahang melambungkan keupayaan tempatan untuk mencipta solusi kesihatan dan kedaulatan makanan melalui pendekatan berasaskan sains. Inovasi dan komitmen rakyat.**

cenderung ke arah makanan berfungsi, beras ini memenuhi keperluan golongan yang mementingkan kesihatan tanpa perlu berkompromi dari segi rasa dan kualiti.

## MENINGKATKAN KEYAKINAN TERHADAP PRODUK TEMPATAN

Kehadiran Beras Pahang memberi peluang kepada rakyat negeri itu untuk menikmati hasil pertanian berkualiti tinggi yang diusahakan di tanah sendiri. Ini secara langsung mengukuhkan keyakinan terhadap produk tempatan, selain membantu mengurangkan kebergantungan kepada beras import atau beras komersial yang kurang nilai nutrisi. Ia juga menyemai semangat nasionalisme makanan, sekaligus memperkukuh identiti agro makanan negeri.

Dalam jangka panjang, produk ini bukan sahaja menyumbang kepada kesihatan individu tetapi turut memperkukuh kesejahteraan masyarakat dan kelestarian ekosistem pertanian.

## PEMANGKIN EKONOMI DESA DAN PERTANIAN MAMPAN

Dari sudut ekonomi pula, Beras Pahang membawa dimensi baharu kepada sektor pertanian negeri.

Penanamannya memberikan pendapatan tambahan kepada para petani, terutamanya dengan nilai tambah yang dimiliki oleh beras ini. Dengan sokongan penyelidikan, teknologi dan dasar kerajaan negeri yang progresif, penghasilan beras prebiotik ini mampu menjadi pemangkin kepada transformasi pertanian bernilai tinggi.

Beras ini juga mencerminkan perubahan paradigma dalam pertanian daripada hasil tradisional kepada produk berinovasi yang berasaskan sains dan kesihatan. Ia memberikan inspirasi kepada golongan muda dan usahawan tani untuk melihat pertanian sebagai sektor yang berdaya saing dan berpotensi besar dalam ekonomi masa hadapan.

Namun begitu, isu bekalan dan kapasiti pengeluaran masih perlu diberi perhatian. Ketika ini, jualan Beras Pahang difokuskan kepada pasaran dalam negeri sahaja. Langkah ini wajar dalam memastikan pengurusan kualiti dan kestabilan stok sebelum ia dikembangkan ke peringkat nasional dan antarabangsa.

## HARGA DAN AKSESIBILITI

Sempena Mini Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) Pahang 2025, baru-baru ini,

Beras Pahang ditawarkan pada harga promosi RM8 sekilogram. Harga ini dianggap berpatutan memandangkan nilai tambah dari aspek kesihatan dan inovasi.

Namun untuk jangka panjang, penetapan harga perlu mengambil kira kos pengeluaran, keberkesanan subsidi dan kemampuan pengguna, agar ia kekal kompetitif dan mampu dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

Peranan kerajaan negeri, agensi berkaitan serta koperasi tani amat penting dalam memastikan keseimbangan antara keuntungan pengeluaran dan kebajikan pengguna. Jika pengeluaran dapat ditingkatkan secara mampan dan konsisten, beras ini bukan sahaja dapat memenuhi keperluan tempatan, malah berpotensi menjadi produk eksport strategik yang membawa pulangan ekonomi kepada negeri dan negara.

## SETANDING INOVASI ANTARABANGSA

Beras Pahang bukan sahaja menjadi kebanggaan negeri, tetapi juga berupaya untuk bersaing di peringkat global. Banyak negara maju telah lama memperkenalkan beras inovatif berasaskan sains pemakanan.

**Jepun** - Menghasilkan GABA Rice, beras yang kaya dengan asid amino untuk kesihatan

otak dan tekanan darah.

## Korea Selatan

- Memperkenalkan beras ungu yang tinggi antioksidan dan beras *multigrain* yang baik untuk usus.

## Amerika Syarikat (AS)

- Memasarkan *Cahokia Rice*, beras tinggi protein dan rendah gula khas untuk penghidap diabetes.

## India

- Galakkan penggunaan varieti seperti Swarna dan Basmati 370 yang rendah indeks glikemik.

Dengan formulasi prebiotik semula jadi, Beras Pahang menyamai, malah mampu mengatasi inovasi luar jika dibangunkan dengan strategi yang tepat. Ia bukan sahaja berperanan sebagai makanan ruji tetapi juga sebagai alat diplomasi makanan yang boleh membawa nama Pahang ke persada antarabangsa.

## KOMITMEN KERAJAAN NEGERI

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail ketika merasmikan Mini MAHA Pahang 2025 pada 16 Ogos lalu di Dataran Temerloh, menegaskan Beras Pahang adalah lebih daripada sekadar produk pertanian.

"Produk ini mencerminkan sinergi antara inovasi, kesihatan dan ekonomi yang mampu membawa perubahan besar kepada landskap makanan negara, khususnya di negeri Pahang," katanya.

Kenyataan ini jelas menunjukkan komitmen kerajaan negeri dalam memastikan produk ini terus berkembang dan memberi manfaat jangka panjang kepada rakyat.

## ASET NEGARA

Beras Pahang bukan sekadar butiran nasi yang dimasak di dapur sebaliknya hasil perjuangan petani, ilham para penyelidik dan strategi bijak pemerintah negeri. Ia melambungkan keupayaan tempatan untuk mencipta solusi kesihatan dan kedaulatan makanan melalui pendekatan berasaskan sains, inovasi dan komitmen rakyat.

Dengan sokongan menyeluruh dari pelbagai pihak, Beras Pahang mampu menjadi produk unggul negara. Ia akan menjadi kebanggaan rakyat Pahang dan aset strategik Malaysia di mata dunia.

PENULIS ialah Korresponden Utusan Malaysia Pahang



| TARIKH    | MEDIA   | RUANGAN          | MUKA SURAT |
|-----------|---------|------------------|------------|
| 28/8/2025 | HARAKAH | SG4:<br>KELANTAN | 10         |

# Dari ladang ke pasaran, pertanian kekal tonggak negeri

Oleh RIZAL TAHIR

**BACHOK:** Menteri Besar Kelantan, Dato' Panglima Perang Mohd Nassuruddin Daud menegaskan bahawa sektor pertanian kekal sebagai tonggak penting ekonomi negeri, malah menjadi penyumbang kedua terbesar kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) selepas sektor perkhidmatan.

Beliau berkata, sumbangan pertanian yang melebihi 20 peratus kepada KDNK jelas membuktikan bidang itu bukan sahaja penting dari segi ekonomi, bahkan turut menjadi teras kepada keterjaminan makanan negeri.

"Pertanian adalah kekuatan ekonomi Kelantan. KDNK agromakanan serta pengeluaran hasil sentiasa meningkat hasil usaha jabatan, agensi dan para peladang, penternak serta nelayan. Ia pemangkin kepada agenda keterjaminan makanan negeri," katanya ketika merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan berte-



Mohd Nassuruddin menyempurnakan Upacara Perasmian HPPNK 2025.

makan Usaha Tani Sumber Kehidupan Pertiwi di sini, hari ini.

Menurut beliau, kerajaan negeri menekankan usaha menggalakkan penglibatan generasi muda dalam sektor

agro melalui pendekatan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Katanya, program TVET pertanian yang dilaksanakan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) dengan

kerjasama pondok serta sekolah tahfiz swasta telah menunjukkan hasil memberangsangkan.

"Awal Ogos lalu, seramai 103 pelajar menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Ta-

hap 3 dalam Graduasi TVET Pertanian Pondok dan Tahfiz.

Ini bukti nyata bahawa pertanian mampu melahirkan tenaga muda berkemahiran tinggi," jelasnya.

Dalam ucapannya, beliau turut menegaskan komitmen kerajaan negeri untuk memperkukuh agenda keterjaminan makanan, lebih-lebih lagi ketika dunia berdepan perubahan iklim, krisis geopolitik dan sekatan eksport.

"Maka Kelantan perlu sentiasa peka dan menggerakkan pelbagai inisiatif serta projek agar rakyat tidak terjejas.

Contohnya, projek tanaman bawang di Taman Kekal Pengeluaran Makanan Bachok yang telah menghasilkan tuaian pertama sebanyak 18.4 tan," ujarinya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Tengku Kaya Perkas Dato' Dr Tengku Mohamed Faziharudean Tengku Feissal serta Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, Dato' Tuan Saripudin Tuan Ismail.

| TARIKH    | MEDIA   | RUANGAN          | MUKA SURAT |
|-----------|---------|------------------|------------|
| 28/8/2025 | HARAKAH | SG4:<br>KELANTAN | 10         |

## Menteri Besar rai jaguh durian HPPNK 2025

**BACHOK:** Menteri Besar Kelantan, Dato' Panglima Perang Mohd Nassuruddin Daud menyampaikan Anugerah Usahawan Tani Jaya kepada Dato' Roshfahmi Razak sempena Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Kelantan (HPPNK) 2025 di Pantai Irama.

Beliau berkata, anugerah tersebut menjadi bukti kesungguhan kerajaan negeri menghargai pencapaian para usahawan tani yang gigih membangunkan sektor pertanian sehingga mampu menjadikan Kelantan sebagai hab agropolitan berdaya saing.

"Penganugerahan ini diharapkan dapat menyuntik semangat lebih ramai usahawan tani untuk berinovasi, menerapkan teknologi moden dalam pertanian serta meluaskan pasaran ke peringkat global," jelas beliau.

Dato' Roshfahmi merupakan



Roshfahmi (kiri sekali) menerima Anugerah Usahawan Tani Jaya sempena Sambutan HPPNK 2025.

antara 19 usahawan tani cemerlang yang diraikan. Beliau berjaya membangunkan ladang Musang King terbesar di Malaysia seluas 3,000 hektar melalui syarikatnya, Sindora Plantation Sdn Bhd. Usaha berterusan sejak lebih 10 tahun itu kini membuahkan hasil dengan nilai pengeluaran mencecah RM1.3 juta pada tahun 2024.

Mengaplikasikan teknologi pertanian moden seperti dron, sistem 'smart farming', internet pelbagai guna (IoT) serta automasi, beliau turut melibatkan lebih 150 pekerja di ladang dan pejabat. Hasil durian bukan sahaja dipasarkan dalam negara malah turut menembusi pasaran antarabangsa, termasuk ke China.

Menteri Besar menyampaikan hadiah berupa wang tunai RM2,000 dan sijil penghargaan kepada penerima anugerah berprestij itu.



| TARIKH    | MEDIA   | RUANGAN          | MUKA SURAT |
|-----------|---------|------------------|------------|
| 28/8/2025 | HARAKAH | SG4:<br>KELANTAN | 10         |

## Menteri Besar rai jaguh durian HPPNK 2025

**BACHOK:** Menteri Besar Kelantan, Dato' Panglima Perang Mohd Nassuruddin Daud menyampaikan Anugerah Usahawan Tani Jaya kepada Dato' Roshfahmi Razak sempena Sambutan Hari Peladang, Pentermak dan Nelayan Peringkat Negeri Kelantan (HPPNK) 2025 di Pantai Irama.

Beliau berkata, anugerah tersebut menjadi bukti kesungguhan kerajaan negeri menghargai pencapaian para usahawan tani yang gigih membangunkan sektor pertanian sehingga mampu menjadikan Kelantan sebagai hab agropolitan berdaya saing.

"Penganugerahan ini diharapkan dapat menyuntik semangat lebih ramai usahawan tani untuk berinovasi, menerapkan teknologi moden dalam pertanian serta meluaskan pasaran ke peringkat global," jelas beliau.

Dato' Roshfahmi merupakan



Roshfahmi (kiri sekali) menerima Anugerah Usahawan Tani Jaya sempena Sambutan HPPNK 2025.

antara 19 usahawan tani cemerlang yang diraikan. Beliau berjaya membangunkan ladang Musang King terbesar di Malaysia seluas 3,000 hektar melalui syarikatnya, Sindora Plantation Sdn Bhd. Usaha berterusan sejak lebih 10 tahun itu kini membuahkan hasil dengan nilai pengeluaran mencecah RM1.3 juta pada tahun 2024.

Mengaplikasikan teknologi pertanian moden seperti dron, sistem 'smart farming', internet pelbagai guna (IoT) serta automasi, beliau turut melibatkan lebih 150 pekerja di ladang dan pejabat. Hasil durian bukan sahaja dipasarkan dalam negara malah turut menembusi pasaran antarabangsa, termasuk ke China.

Menteri Besar menyampaikan hadiah berupa wang tunai RM2,000 dan sijil penghargaan kepada penerima anugerah berprestij itu.